

INISIATIF DAN BANTUAN KEPADA PEKERJA GIG KETIKA PANDEMIK COVID-19: PENANDAARASAN DENGAN NEGARA LUAR

Disediakan oleh:

Encik Zaid bin Shuib

Cik Yasmin binti Ramli

Dr. Norshamshida binti Razak

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Pendahuluan

Artikel ini akan membincangkan penandaarasan dengan negara luar yang memfokuskan kepada inisiatif atau bantuan kepada pekerja gig ketika pandemik COVID-19. Penandaarasan yang dibuat adalah difokuskan kepada negara-negara seperti Malaysia, Filipina, Australia dan Singapura. Perkara yang akan dilihat ialah kepada sumbangan Kerajaan di negara tersebut dalam membantu pekerja gig dalam meneruskan pekerjaan dalam era pandemik COVID-19.

Malaysia

Malaysia juga turut terkesan dalam menempuhi cabaran dan dugaan dalam mendepani pandemik COVID-19. Terdapat beberapa inisiatif dan bantuan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan bagi memastikan kelangsungan pekerja gig. Penyertaan individu dalam ekonomi gig sepanjang tempoh pandemik COVID-19 telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding sebelumnya. Dianggarkan kira-kira empat juta individu telah menyertai ekonomi gig di Malaysia berbanding hanya 500,000 sebelum berlakunya pandemik COVID-19 (Berita Harian, 2021).



PERKESO **BAJET 2022**
SUKSES MELAKUKAN SALVADOR MANUSA

PENGUMUMAN :
Program SIPGIG
kini telah dibuka

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan insentif Program **SIPGIG** telah dibuka mulai 17 Januari 2022.

Bagi Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang telah mula melakukan pekerjaan sendiri di platform digital mulai 1 Januari 2022 boleh membuat permohonan melalui Aplikasi **PERKESO** Prihatin di  dan  atau melalui pautan <https://matrix.perkeso.gov.my>

Soalan lazim bagi Program **SIPGIG** boleh didapati di laman sesawang rasmi PERKESO.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi
1-300-22-8000
03-8091 5300
atau layari
<https://eaduansip.perkeso.gov.my>

MYFutureJobs
for Women Entrepreneur Success Partner
www.myfuturejobs.gov.my

Peningkatan perkhidmatan penghantaran makanan di Malaysia pada tahun 2020 terjadi kerana terdapat peralihan yang mendadak bagi permintaan pengguna dalam perkhidmatan ini. Bukan itu sahaja, penyediaan akses mudah untuk golongan kelainan upaya dan kumpulan isi rumah *Bottom 40 per cent* (B40) bagi menjana pendapatan melalui ekonomi gig juga menjadi salah satu faktor peningkatan individu dalam perkhidmatan penghantaran makanan (e-Conomy SEA, 2020).

Di bawah pelan pemulihan ekonomi jangka pendek yang diumumkan Kerajaan, sebanyak RM75 juta diperuntukkan bagi membantu ekonomi gig. Peruntukan sebanyak RM50 juta dalam bentuk geran dana padanan kepada semua pencarum yang mencarum di bawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO dan Skim i-Saraan KWSP turut disediakan. Bukan itu sahaja, dalam usaha Kerajaan menggalakkan bidang *freelancing*, MDEC sebagai peneraju dalam pembangunan ekonomi digital di Malaysia turut diberikan peruntukan sebanyak RM25 juta bagi program Global Online Workforce (GLOW). Selain itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) turut mencadangkan agar penambahbaikan mekanisme perlindungan sosial perlu dibuat kepada pekerja gig di negara ini. Cadangan ini telah dinyatakan di dalam Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara.

Antara inisiatif lain yang diambil oleh Kerajaan adalah dengan memperkenalkan SIP Gig yang merupakan satu bentuk insentif bantuan kewangan berjumlah RM600 sehingga RM800 sebulan bagi tempoh maksimum enam (6) bulan bagi pekerja gig yang baharu di bawah Bajet 2022. Insentif ini memfokuskan kepada individu yang diberikan notis cuti tanpa gaji, diberhentikan kerja, penganggur lebih daripada 60 hari, pencari kerja daripada golongan terjejas dan suri rumah yang tidak bekerja lebih daripada enam (6) bulan yang terlibat dalam pekerjaan yang tidak terikat dengan waktu bekerja yang menggunakan platform digital berdaftar di bawah PERKESO. Objektif program SIP Gig ini adalah untuk memberi peluang kepada individu yang menganggur atau tidak bekerja untuk melaksanakan pekerjaan secara jangka masa pendek. Bukan itu sahaja, ia juga menggalakkan pencari kerja atau individu menganggur mengambil peluang pekerjaan merentasi pekerjaan tidak formal atau kerjaya ekonomi gig melalui platform digital.



Filipina

Bantuan atau insentif yang diberikan kepada pekerja gig oleh Kerajaan Filipina menerusi *Department of Labor and Employment* (DOLE) adalah mewujudkan inisiatif *Free Bisikleta* (FreeBis). *FreeBis* ini adalah kerjasama di antara DOLE dengan Grab Filipina dalam menyediakan peluang pekerjaan, peralatan (unit basikal, topi keledar, baju hujan, botol air, beg haba dan telefon bimbit Android) serta memberikan latihan kemahiran kepada peserta yang menjadikan pekerja gig di bawah platform Grab Filipina.



Selain daripada Grab Filipina, DOLE juga memperluaskan bantuan dengan kerjasama pelbagai pihak bagi membantu lebih ramai pekerja yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Selain itu juga, *Freebis* turut menawarkan pemberian vaksin percuma kepada semua pekerja seterusnya mereka yang mendapatkan suntikan vaksin akan diberikan basikal secara percuma. Bukan itu sahaja, satu akta telah digubal bagi melindungi pekerja *freelance* yang dikenali sebagai *Act providing Protection and Incentive for Freelancer*.

Australia

Ekonomi gig di Australia juga pesat mengembang dengan mencatatkan sembilan (9) kali ganda pertumbuhan berbanding tahun 2015 dengan anggaran pendapatan sebanyak \$6.3 juta. Namun begitu, ekonomi gig di Australia juga turut terjejas akibat pandemik COVID-19 kerana penutupan dan sekatan dalam mengekang pandemik dari terus merebak. Hal ini telah menyumbang kepada penurunan kadar penggunaan perkhidmatan gig iaitu sebanyak 70 peratus. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan perkhidmatan gig ini telah meningkat semula pada Mei dan Oktober 2020 dengan adanya peningkatan sebanyak 40 peratus berbanding pada Februari 2020 khususnya kepada perkhidmatan penghantaran makanan.



Kerajaan Australia telah mengambil langkah dalam usaha membantu pekerja-pekerja gig dengan memperkenalkan pakej bantuan yang dikenali sebagai JobMaker. JobMaker adalah suatu bentuk pakej rangsangan yang bertujuan bagi memulihkan ekonomi berhubung dengan pekerjaan, pendidikan, percukaian dan infrastruktur dengan matlamat membuka peluang penciptaan pekerja baharu. Sejumlah A\$37 juta subsidi telah dibelanjakan bagi merealisasikan hasrat ini dan hampir A\$4 juta subsidi diperuntukan kepada JobMaker.



Perkara ini menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan dalam membantu pekerja dan memberi peluang baharu selepas negara telah berhadapan dengan kegelutan ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik COVID-19.

Singapura

Krisis pandemik COVID-19 di Singapura turut mengakibatkan kehilangan pendapatan yang ketara sama ada dari segi kehilangan pekerjaan, pengurangan atau pemotongan gaji, pengurangan permintaan pasaran serta desakan untuk mengambil cuti tanpa gaji. Laporan daripada *Ministry of Manpower* (MOM) berkenaan dengan Labour Force in Singapore: Impact of COVID-19 on the Labour Market 2020 mendapati bahawa kira-kira 52 peratus pekerja yang mempunyai akaun tetap menghadapi cabaran di tempat kerja akibat pandemik COVID-19 dan ia jauh lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya 2019 iaitu sebanyak 35 peratus. Bagi pemilik akaun sendiri pula majoriti sebanyak 90 peratus menghadapi cabaran sepanjang pandemik COVID-19. Jumlah ini turut meliputi pekerja-pekerja gig. Kerajaan Singapura turut memberikan bantuan kepada individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini termasuklah pekerja-pekerja gig. Pada bulan Mac 2020, Kerajaan Singapura telah melaksanakan bayaran \$6,500 untuk pekerja *freelance* sebagai tambahan kepada pakej sokongan isi rumah yang terjejas.



JobMaker Hiring Credit

Information for employees



Australian Government
Australian Taxation Office

The JobMaker Hiring Credit is for employers

It is a scheme that gives employers an incentive to take on additional young job seekers.

It is a payment made to eligible employers:

- for each eligible **additional** employee hired
- to help subsidise the cost of employing eligible additional employees for up to 12 months.

The scheme applies to employees starting employment between **7 October 2020** and **6 October 2021**.

What employees need to do

If your employer participates in the scheme, they will ask you to complete an employee notice. This declares that you meet the employee eligibility requirements. That's all you need to do.

You will not receive the JobMaker Hiring Credit payment in your own salary, wages or other payment. Your employer pays you like they usually would.

Employee eligibility notice

The JobMaker employee notice declares that you:

- were between 16 and 29 or 30 and 35 years old when you started employment with the employer

- received one of the three types of eligible income support – the JobSeeker Payment, Youth Allowance (other than on the basis that the individual was undertaking full-time study or was a new apprentice) or Parenting Payment – for at least 28 consecutive days (or two fortnights) within the 84 days (or six fortnights) before commencing employment.

- have not completed a JobMaker employee notice for another employer you are still working for.

Reported income support payment information may be checked with Services Australia.

Meeting the income support criteria

To calculate the number of days you received one of the three types of eligible income support, you can include days that were not payable. For example, you can count the days that were not payable because you:

- received income support during a month but had days your employment earnings were above the income cut-off
- were on a waiting period.

More than one employer

Only one employer can claim the JobMaker Hiring Credit for hiring you at a time (even if you work for two employers at once).

Changing jobs

If you change jobs (and still meet the employee eligibility criteria), your previous employer can no longer claim the JobMaker Hiring Credit for you.

In this case, you can give a notice to another employer if all the following apply:

- you stopped working for the employer you previously gave a notice to

- you were hired as an employee by a new employer
- you started employment between 7 October 2020 and 6 October 2021
- you were between 16 to 35 years old (inclusive) at the time you started employment with your new employer
- you received income support payments (such as the JobSeeker Payment) for at least 28 consecutive days (or two fortnights) within the 84 days (or six fortnights) before being hired.

Returning to an employer

If you give a JobMaker employee notice to your employer, the notice ends when you stop working for them. If you later return to the same employer, you need to give them a new notice.

Other income support

You may be eligible for income support even if you receive a wage from your employer.

For information visit servicesaustralia.gov.au

Selain bantuan kewangan, Majlis Seni Kebangsaan Singapura juga bekerjasama dengan platform penstriman Bigo Live untuk melancarkan SGLivehouse yang merupakan satu siri pertunjukan maya untuk membantu pemuzik beralih ke persembahan secara dalam talian. Pada April dan September 2020 pula, Kerajaan Singapura telah melancarkan Beyond's COVID-19 Family Assistance Fund (FAF) bagi isi rumah yang terkesan. Majoriti pemohon FAF ini terlibat dalam pekerjaan bergaji rendah dan mempunyai pekerjaan yang tidak tetap atau tidak menentu. Ini termasuklah pekerja-pekerja gig di Singapura seperti *riders* penghantaran dan pemandu Grab / Gojek.

Penutup

Kesimpulannya, pelbagai inisiatif atau bantuan telah diberikan kepada pekerja gig secara khususnya bagi membantu mereka menjalani kelangsungan hidup. Pihak kerajaan di setiap negara mengambil langkah proaktif dalam menjalankan mekanisme bantuan yang diberikan kepada rakyatnya. Walaupun fasa peralihan daripada pandemik kepada endemik telah berlaku, kerajaan di setiap negara perlu memastikan kebajikan serta hak pekerja gig tetap terbela berikutan status pekerjaan mereka yang masih belum jelas.

PENAFIAN: Artikel ini adalah berdasarkan dapatan Kajian Mengenai Isu Perundangan, Perhubungan Perusahaan dan Perlindungan Sosial: Pekerja Gig Dalam Perkhidmatan Penghantaran Makanan dan Barangan Yang Bekerja Sendiri. Ia tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

5



@StatsMalaysia



20 OKT



2016-2030



“Statistics Bloom in Harmony”

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

Prechorus
So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind

Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

“Statistik Segalanya Pasti”

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada


Prechorus
Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Chorus
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran
Segalanya PASTI
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian 2021.



Perkhidmatan Atas Talian DOSM




Imbas untuk ke Portal Perkhidmatan Atas Talian DOSM



OpenDOSM



Visual Interaktif



Kawasanku

Hubungi kami

-  www.dosm.gov.my
-  info@dosm.gov.my
data@dosm.gov.my
-  +6 03 8885 7000
-  +6 03 8888 9248

